



15 November 2013
15 November 2013
P.U. (A) 340

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI SUMBANGAN TUNAI KEPADA DANA BANTUAN PELAJAR MISKIN 1MALAYSIA) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR CASH CONTRIBUTION TO BANTUAN PELAJAR MISKIN 1MALAYSIA FUND) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI SUMBANGAN TUNAI
KEPADA DANA BANTUAN PELAJAR MISKIN 1MALAYSIA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Sumbangan Tunai kepada Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2017.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia” ertinya suatu dana di bawah Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang diwujudkan secara pentadbiran oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi maksud menerima sumbangan tunai bagi Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia;

“orang yang layak” ertinya orang sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 3(1).

Potongan

3. (1) Orang yang berikut yang telah membuat sumbangan tunai kepada Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia layak dibenarkan suatu potongan daripada puncanya:

(a) seorang pemastautin di Malaysia yang mempunyai—

- (i) punca pendapatan yang terdiri daripada perniagaan sahaja; atau
 - (ii) punca pendapatan yang terdiri daripada gabungan perniagaan dan punca pendapatan yang lain;
- (b) suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];
- (c) suatu perkongsian liabiliti terhad yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*]; atau
- (d) suatu pertubuhan koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*].

(2) Bagi menentukan pendapatan larasan orang yang layak daripada puncanya yang terdiri daripada perniagaan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran, hendaklah dikira potongan yang dibenarkan bagi sumbangan tunai yang dibuat oleh orang yang layak itu kepada Dana Bantuan Pelajar Miskin 1Malaysia.

(3) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (2) hendaklah bersamaan dengan dua kali amaun sebenar sumbangan tunai yang disebut dalam subkaedah (2).

(4) Orang yang layak yang menuntut potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah menyimpan resit rasmi daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang menentusahkan amaun sumbangan, dan tarikh sumbangan dibayar.